



SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/42(HQ)

TNB JAMIN BERLAKU ADIL DALAM ISU PELARASAN BIL

- TNB sensitif dengan kegelisahan segelintir pengguna

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihatkan pengguna agar tidak bimbang sebaik menerima bil sebenar mereka berikutan penyambungan semula pembacaan meter yang dihentikan sementara sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa 18 Mac 2020.

Pengerusi TNB, Dato' Seri Mahdzir Khalid berkata pihaknya sedia maklum mengenai aduan netizen mengenai bil tinggi yang diterima menerusi pembacaan bil fizikal yang disambung semula sejak 15 Mei 2020.

“Janganlah khawatir. TNB sentiasa berlaku adil dan sensitif dengan kegelisahan segelintir pengguna yang menerima bil sebegini.”

“Pegawai Khidmat Pelanggan kami di talian TNB CareLine 1300 88 5454 dan di Kedai Tenaga sentiasa bersedia untuk membantu menjelaskan mengenai perkiraan dan bagaimana pelarasan bil dibuat.”

TNB sebelum ini telah memaklumkan bahawa sebaik pembacaan bil disambung semula, bil pelanggannya akan diselaraskan. Semasa operasi pembacaan meter dihenti sementara, TNB mengeluarkan bil anggaran berdasarkan bil bulan sebelum PKP berkuatkuasa.

Mahdzir memaklumkan pelanggan TNB juga boleh mendapatkan makluman mengenai perkiraan bil semasa PKP dengan melayari <https://www.tnb.com.my/prihatin>.

Tambahnya, sebagai syarikat yang prihatin mengenai impak wabak Covid 19 kepada rakyat, pada 14 Mei 2020 TNB telah mengumumkan mengenai pakej pasca PKP merangkumi Pelan Bayaran Mudah (PBM), penangguhan surcaj lewat bayar (sehingga 30 September 2020) dan lanjutan penangguhan pemotongan bekalan (sehingga 31 Julai 2020).

“Kesemua ini ditawarkan secara automatik kepada 7.5 juta pelanggan kediaman kami,” katanya.

S.A. 2020/05/42 (HQ)

Selain pakej pasca PKP, TNB juga menawarkan diskaun berperingkat berjumlah 2% hingga 50% bagi penggunaan dari 1 April 2020 hingga 30 September.

“Diskaun berperingkat dan pakej pasca PKP ini diharap dapat meringankan lagi beban rakyat yang terjejas akibat wabak Covid 19,” tambahnya.

Maklumat lanjut tentang Pelan Bayaran Mudah, juga boleh dicapai di pautan <https://www.tnb.com.my/prihatin> serta talian TNB CareLine dan Kedai Tenaga yang berhampiran.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 22 Mei 2020, jam 1.00 tengah hari

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /
Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524
atau emel ke media@tnb.com.my*